

BAB
SATU

BAB SATU

PENDAHULUAN

1. Pendahuluan

Metodologi pengajian yang lemah sering kali dianggap sebagai sebab utama kelemahan graduan lulusan pengajian Islam, apatah lagi lulusan pengajian pondok yang sering kali dianggap sebagai graduan yang berfikiran sempit dan dilebalkan sebagai graduan yang tidak mampu memenuhi tuntutan zaman¹. Tanggapan negatif sesetengah pihak tentang keupayaan graduan lulusan pengajian Islam termasuk juga dalam bidang pengajian syariah perlu diberikan perhatian yang serius. Oleh yang demikian satu kajian yang terperinci perlu dilaksanakan terhadap metodologi pengajian syariah yang dilaksanakan di institusi pengajian Islam di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, satu kajian akan dilaksanakan terhadap metodologi pengajian syariah di “Pondok Moden” atau nama rasminya Pusat Pengajian Pondok, Kandis, Bachok, Kelantan.

2. Latar Belakang Masalah Kajian

Pengajian syariah di Malaysia telah melalui sejarah yang panjang, bersama dengan sejarah kedatangan Islam dan perkembangannya di Nusantara. Ini kerana Tanah Melayu merupakan sebahagian dari Kepulauan Melayu atau Nusantara. Menurut sejarawan, kedatangan Islam ke Tanah Melayu ada beberapa teori tentang tarikh kedatangannya. Mengetahui tarikh kedatangan ini amat penting untuk menentukan metode dan pendekatan pengajian syariah yang diikuti masyarakat Islam di Tanah Melayu pada waktu itu.

¹ Perbincangan lanjut tentang topik tersebut boleh dilihat dalam akhbar utama tempatan, antaranya "Pendidikan Islam Cara Lama Perlu Diubah" (Berita Harian, 1 September 2002), "Sistem Dualisme Dalam Pengajian Islam" (Utusan Malaysia, 1 November 2001) "Pendidikan Islam di IPT Perlu Diubah", (Berita Harian, 19 November 2001), "Pedagogi Lemah-Pelajar Sempit Fikiran", (Utusan Malaysia, 10 Julai 2002).

Bagi sejarawan barat seperti D.G.E Hall dan Brian Harrison, mereka berpandangan kedatangan Islam ke daerah Nusantara ini berlaku pada kurun ke-13. Mereka berpendukan kepada beberapa fakta sejarah seperti batu nisan, catatan dan laporan.² Oleh itu mereka mengandaikan kedatangan Islam ke Melaka sekitar kurun ke-15 seperti pendapat D.G.E. Hall yang menyatakan bahawa Melaka menerima Islam pada tahun 1414 M.³ Manakala Abdullah Ishak menyebut sejarawan tempatan seperti Wan Hussin Abdul Kadir berpendapat, kedatangan Islam berlaku sejak pertengahan kurun ke-7 lagi. Begitu juga pendapat ahli sejarah seluruh Indonesia dalam satu seminar tentang sejarah kedatangan Islam ke Indonesia di Medan pada 1963, telah membuat ketetapan bahawa kedatangan Islam ke sana berlaku pada abad pertama Hijrah (abad ke-7 atau ke-8 M)⁴ Berdasarkan teori-teori ini, kedatangan Islam ke Nusantara telah berlaku sejak kurun ke-7 atau ke-8 M dari Tanah Arab. Tetapi disebabkan belum terdapat kajian yang benar-benar terperinci terhadap kesan-kesan lama di rantau ini, maka kita terpaksa menerima pandangan yang dinyatakan oleh sejarawan Barat, iaitu kedatangan Islam ke Nusantara ialah pada kurun ke-13 M dan ke Melaka ke-15M.⁵

Dengan penerimaan teori daripada Barat ini, kita dapat katakan bahawa bentuk pengajian Islam amnya dan pengajian syariah khususnya yang diterima di Melaka ialah warisan daripada zaman taqlid di dunia Islam. Golongan

² D.G.E. Hall (1961), *A History of South East Asia*, London: Oxford University Press, h. 243-244, Brian Harrison (1966), *Asia Tenggara Suatu Sejarah Ringkas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h.1

³ Ibid., D.G.E. Hall, h.65

⁴ Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam & Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h.120-124, Lihat juga; Mahayuddin Hj. Yahaya (1998), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka h.76.

⁵ Ibid., h.124

istana, pembesar dan rakyat jelata mempelajari agama Islam di rumah, masjid, surau dan istana daripada ulama dan mubaligh.

Kemunculan institusi pondok di Tanah Melayu bermula pada awal kurun ke-19 M yang dibawa dari Patani dan giat berkembang terutamanya di negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah.⁶ Ramai ulama telah muncul melalui sistem pengajian pondok ini seperti Tuk Pulau Manis, Haji Abdul Hamid dan Hj. Wan Abdullah b. Muhammad Amin (Tuk Syeikh Duyung) di Terengganu. Manakala di Kelantan, antara tokoh-tokoh ulamanya ialah Tuan Tabal, Tuk Kutan, Tuk Selehor, Tuk Bachok dan Tuk Kenali. Tokoh-tokoh ulama di Kedah pula ialah seperti Hj. Muhammad Taib al-Mas'udi, Hj. Muhammad Noor, Syeikh Waksa, Hj. Ahmad Umar dan Syeikh Abdul Qadir.⁷ Ada di antara mereka yang menghasilkan kitab-kitab terutamanya dalam bidang *fiqh* sama ada dalam bahasa Arab mahupun bahasa Melayu. Tetapi hasil-hasil penulisan ini nampaknya masih terikat dengan penulisan yang dibuat oleh ulama-ulama terdahulu, iaitu berdasarkan kepada sumber penulisan tokoh-tokoh aliran *mazhabiyah* dari zaman taqlid terutamanya daripada mazhab Syafi'i se seperti al-Nawawi, al-Syairazi, Ibn Hajar al-Haytami dan al-Ramli.⁸

Dari segi kurikulum pengajian yang diamalkan di pondok-pondok menitik-beratkan *ilmu-ilmu naqliyah* dan *ilmu-ilmu 'asriyah* (ilmu perantara atau bantu) seperti al-Quran dan Tafsir, Hadith, Fiqh, Usul Fiqh, Tauhid, Nahu, Saraf, Mutalaah, Balaghah, 'Arudh, Mantiq, Falaq, Kesusteraan Islam

⁶ Abdullah Ishak (1995), op.cit., h.191

⁷ Abdul Rahman Hj. Abdullah (Dr) (1997), *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah & Aliran*, Jakarta: Gema Insani Press, h.321-335

⁸ Ibid., h.138-140

dan Tasauf.⁹ Pelbagai jenis kitab bagi setiap cabang ilmu ini adalah dalam bahasa Arab dan juga tulisan jawi sama ada ditulis oleh ulama tempatan atau ulama daripada Timur Tengah yang kebanyakannya daripada hasil penulisan zaman taqlid.¹⁰ Cara pengajaran di sini adalah berdasarkan tiga metode utama iaitu syarahan atau kuliah, hafalan dan halaqah. Biasanya syarahan dilakukan menerusi bacaan kitab yang dijelaskan serta dihuraikan dari kulit ke kulit atau lebih dikenali sebagai sistem “*umumi*”¹¹. Dengan kurikulum ini melahirkan pelajar yang benar-benar memahami dan dapat mengingati sesebuah kitab yang dipelajari tetapi tidak mampu untuk memberikan jawapan terhadap permasalahan semasa.

Pengajian Islam secara sistem pondok ini dikatakan begitu maju pada pertengahan abad ke-19 – 20 M di tiga buah negeri. Ini adalah hasil daripada ketekunan dan keperibadian tuan guru pondok yang menyebabkan masyarakat berlumba-lumba menghantar anak-anak mereka ke sana. Antara pondok-pondok yang terkenal di Kelantan dan menjadi tumpuan pelajar sama ada dari Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, dan Thailand ialah seperti Pondok Kubang Pasu, Pondok Kampung Banggul, Pondok Tuan Padang, Pondok Tok Semian dan Pondok Tok Kenali.¹²

Namun begitu, peranan dan pengaruh pondok dalam memberikan kefahaman Islam kepada masyarakat di Tanah Melayu melalui sistem

⁹ Abdullah Ishak (1995), op.cit., h.208-209

¹⁰ Ibid., h.209-210

¹¹ Ibid., h.214-215, 245

¹² Abdullah Alwi Haji Hassan (1996), *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h.220-221

pendidikannya mulai merosot terutamanya selepas 1945.¹³ Sebagai contoh, selepas berlakunya perpecahan parti politik tahun 1959, ia telah membawa kesan kepada pengajian pondok di Kelantan sehingga hanya terdapat dua pondok yang masih bertahan iaitu Pondok Pasir Tumbuh dan Pondok Sungai Durian.¹⁴ Antara sebab-sebab yang membawa kemunduran sistem pondok ini ialah kematian tuan guru sesuatu pondok yang menentukan faktor hidup dan mati sesebuah institusi pondok. Sebab-sebab lain, pengaruh sistem pendidikan moden yang bermula ketika menjelang kemerdekaan, dan berlakunya perubahan nilai dan sistem nilai dalam masyarakat terutamanya selepas penjajahan British di Tanah Melayu.¹⁵

Meneliti sejarah jatuh bangunnya institusi pengajian pondok di negeri Kelantan, dapat disimpulkan bahawa antara faktor utama yang menyebabkan kejatuhan institusi pondok ialah faktor tuan guru pondok, kurikulum pengajian, metode dan pendekatan yang dilaksanakan dan pengaruh sistem pengajian moden. Keempat-empat faktor utama ini telah menjadi penyebab jatuh bangun sesebuah institusi pondok di negeri Kelantan.

Dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, di samping menyedari kurangnya ulama pelapis di Kelantan akibat daripada kematian ulama-ulama yang berkaliber, dalam masa yang sama kurangnya institusi pendidikan yang mampu melahirkan generasi ulama pelapis.¹⁶ Maka kerajaan negeri Kelantan

¹³ William R. Roff (1994), *The Origin of Malay Nationalism*, 2nd Edition, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h.126

¹⁴ Abdullah Alwi Haji Hassan (1996), op.cit., h.225-226

¹⁵ Abdullah Ishak (1995), op.cit., h.236-246

¹⁶ Lihat sejarah penubuhan Pusat Pengajian Pondok, dalam *Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok*, h. 3.

telah berusaha untuk mengembalikan kegembilangan Kelantan sebagai pusat keuntuhan ilmu agama dan menghidupkan kembali sistem pengajian agama yang berteraskan sistem pondok.

Kajian secara terperinci telah dilaksanakan bagi tujuan tersebut, maka hasilnya tertubuhlah sebuah Pusat Pengajian Islam yang pertama dalam bentuk ala pondok yang bersistem dan mengikut cara baru¹⁷ di Telong Bachok. Kelantan. Institusi tersebut di gelar Pusat Pengajian Pondok yang telah memulakan operasi pada 11 Februari 1984.¹⁸

Walaupun nama rasmi institusi ini ialah Pusat Pengajian Pondok, tetapi ianya lebih dikenali dengan nama “Pondok Moden”. Sehingga hari ini nama “Pondok Moden” lebih dikenali berbanding dengan nama rasminya. Hal ini telah menarik minat penulis untuk meninjau apakah faktor-faktor yang menyebabkan institusi ini digelar sebagai “Pondok Moden”. Sejauh mana perbezaannya dengan pondok tradisi yang lain sehingga melayakkannya digelar sebagai “Pondok Moden”.

Kemasyhurannya sebagai “Pondok Moden” telah menarik minat penulis untuk mengkaji metodologi pengajian yang dilaksanakan, namun menyedari bidang metodologi pengajian yang agak luas, penulis memfokuskan kajian ini kepada pengajian syariah di “Pondok Moden”. Kajian ini dilaksanakan berasaskan kepada keyakinan penulis, jika kajian tentang sesuatu metodologi pengajian dibuat, maka kajian itu akan menjawab persoalan “bagaimana” dan

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid.

“apa” yang diajar.¹⁹ Dengan erti kata lain, kajian ini akan menjawab persoalan bagaimana pengajian syariah dilaksanakan dan apakah kurikulum pengajian tersebut. Oleh yang demikian kajian ini akan menumpukan kepada dua persoalan tersebut. Secara tidak langsung, hasil kajian ini nanti akan menjadi alat pengukur tentang sejauh mana keberkesanan metodologi pengajian syariah yang dilaksanakan di Pusat Pengajian Pondok.

Selain daripada itu juga, faktor tanggapan buruk yang sering dinisbahkan kepada ulama tradisional yang dilahirkan melalui sistem pondok ini juga menarik minat penulis untuk mengkajinya secara lebih ilmiah. Fenomena ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat. Sejarah telah membuktikan bahawa terdapat kalangan sarjana Islam sendiri yang telah terkena tempias tajdid ala Barat ini. Pengaruh ini dapat dikesan dengan begitu meluas sekali. Golongan Kaum Muda yang memperjuangkan aliran reformis di Tanah Melayu telah seolah-olah menafikan sama sekali sumbangan besar yang telah dimainkan oleh golongan ulama tradisional dalam membangunkan kefahaman Islam di Tanah Melayu.²⁰ Dalam kupasan yang diberikan oleh Kaum Muda tentang golongan tradisionalis yang dikenali dengan Kaum Tua, mereka telah menggunakan pendekatan yang keterlaluan antaranya ialah:

¹⁹ Lihat Hasan Langgulung (1997), *Asas-asas Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.338.

²⁰ Abdul Jalil Borhan (1996), “Sumbangan Ulama Dalam Perkembangan Islam Di Alam Melayu”, dalam *Jurnal Syariah*, v. , bil. 2, , h. 278-280.

- (i) Pendekatan yang secara terang-terangan menghina ulama tradisional ini dengan menisahkan kepada mereka dengan pelbagai nama yang hina.²¹
- (ii) Pendekatan yang mengutuk sistem pengajian tradisional Melayu, sistem Pondok yang menggunakan sistem pengajian ala taqlid.²²
- (iii) Pendekatan yang mengutuk ulama tradisional yang terlibat di dalam institusi pentadbiran undang-undang Islam, termasuklah institusi fatwa yang kononnya telah bersekongkol dengan raja-raja Melayu dan pihak British sendiri tanpa mempedulikan nasib ummah Melayu yang serba kekurangan dalam aspek pemodenan.²³

Sikap keterlaluan kaum Muda ini yang kononnya cuba bertindak selaku penyelamat ummah Melayu, jika dilihat secara mendalam ternyata mempunyai kelemahan yang tersendiri, iaitu pandangan mereka yang begitu taasub dengan kemajuan material yang dicapai oleh kuasa British, sehingga manafikan sumbangan bernilai yang pernah dimainkan oleh ulama tradisional Melayu.²⁴

Merujuk kepada realiti semasa di Malaysia, pengajian syariah yang dilaksanakan di pondok-pondok, khususnya di negeri Kelantan dianggap

²¹ Lihat sebagai contohnya pendapat Kaum Muda yang menempelak dan menghina lulusan pondok sebagai lebai pondok yang terlalu mengharapkan pemberian sedekah daripada orang ramai. Lihat Rahimin Affandi Abd. Rahim (1995), "Budaya Taqlid di Dalam Masyarakat Melayu: Suatu Tinjauan Ringkas", dalam *Jurnal Syariah*, v. 3, bil. 1, h. 30-31.

²² Ibid

²³ Ibid

masih lagi berada di takuk lama, iaitu pengajian yang menggunakan metode dan pendekatan yang diwarisi daripada zaman taqlid. Situasi ini dikatakan telah menyebabkan graduan lulusan pondok hanya mampu memahami dan menghuraikan sesuatu yang telah tersusun dalam kitab, tetapi tidak mampu untuk menyelesaikan permasalahan semasa. Walaupun dakwaan sinis ini sering kedengaran, namun lipatan sejarah tetap mengabadikan institusi pondok sebagai institusi kemasyarakatan yang telah berjaya mentarbiah dan melahirkan insan-insan yang berakhlik tinggi, peribadi-peribadi yang bersedia memberi khidmat kemasyarakatan, golongan pejuang dan ilmuan berpendidikan agama yang sanggup hidup berdikari.²⁵

Berhadapan dengan permasalahan ini, suatu kajian yang mendalam perlu dilaksanakan, khususnya dalam bidang metodologi pengajian syariah. Kajian ini diharapkan dapat menjawap persoalan apakah metodologi pengajian syariah yang dilaksanakan di Pusat Pengajian Pondok sekarang ini masih lagi menggunakan metode dan pendekatan pengajian pondok tradisional, metode dan pendekatan tersebut sering kali dikatakan sebagai penyebab utama lahirnya pelajar-pelajar yang mengamalkan taqlid secara membata tuli dan taasub kepada sesuatu mazhab; atau metode dan pendekatan yang dilaksanakan sudah jauh berubah seiring dengan pendidikan moden yang melanda masyarakat Islam di Malaysia.

²⁴ Ibrahim Abu Bakar (1994), *Islamic Modernism in Malaya*, Kuala Lumpur, h. 171-172.

²⁵ Ismail Che Daud (1991), "Sekolah Pondok di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Umum", dalam *Warisan Kelantan 5*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h.18.

3. Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang cuba dikaji dengan kajian ini, antaranya :-

- 3.1 Meneliti perkembangan metodologi pengajian syariah dalam sejarah pengajian Islam melalui sejarah penurunan al-Quran, hadis Rasulullah dan amalan ulama-ulama silam.
- 3.2 Meneliti secara ilmiah sejarah jatuh bangunnya institusi pondok di negeri Kelantan sehingga lahirnya Pusat Pengajian Pondok yang dianggap sebagai “Pondok Moden”.
- 3.3 Meneliti metode dan pendekatan pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok, dan menganalisa sejauh mana metode dan pendekatan tersebut mempunyai persamaan dan perbezaan dengan metode dan pendekatan pengajian syariah zaman silam, di samping meninjau sejauh mana metode dan pendekatan tersebut bersesuaian dengan metode dan pendekatan pengajian syariah mengikut realiti pengajian syariah di Malaysia.
- 3.4 Untuk mengenalpasti dengan jelas apakah keistimewaan metodologi pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok, dan seterusnya dapat membantu institusi-institusi lain dalam merangka satu metodologi pengajian syariah yang lebih mantap dan berkesan.
- 3.5 Mengkaji pelbagai kelemahan yang terdapat dalam metodologi pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok, dan disusuli pula dengan cadangan khusus untuk memperbaiki dan mempermaksa lagi metodologi pengajian syariah di pusat pengajian tersebut.
- 3.6 Menganalisa dan menjawab tohmahan negatif yang sering dinisbahkan kepada institusi dan ulama lulusan pondok.

4. Hipotesis

Pembentukan kurikulum yang bersepadu tidak akan lengkap dan sempurna jika kaedah pembelajaran tidak dititik beratkan. Penguasaan ilmu dan pembentukan peribadi yang sempurna bukan sahaja berpunca daripada ketokohan dan keperibadian seorang guru, bahkan berpunca daripada kurikulum yang lengkap serta disokong oleh metode pembelajaran yang sempurna. Menyedari hakikat itu, metodologi pengajian syariah yang dipraktikkan oleh mana-mana institusi pendidikan, akan memainkan peranan yang besar bagi melahirkan siswazah pengajian syariah yang benar-benar memiliki ilmu yang bersepadu bagi memenuhi keperluan masyarakat masa kini.

Metode dan pendekatan pengajian syariah yang mantap telah pun diasaskan oleh Rasulullah dan ianya telah dicontohi oleh generasi ulama silam. Kegagalan umat Islam mempraktikkan metode dan pendekatan tersebut menyebabkan berlakunya kebekuan dalam pengajian syariah. Oleh yang demikian metode-metode pengajian syariah klasik hendaklah dipraktikkan sepenuhnya, dan metode-metode pengajian klasik yang digabungkan dengan kaedah-kaedah penyelidikan moden akan melahirkan pelajar-pelajar yang mampu menghidupkan syariah Islam dan beroperasi dalam masyarakat. Di samping itu pendekatan pengajian syariah yang terbaik adalah yang berteraskan kepada realiti semasa di Malaysia.

5. Kepentingan Kajian

Pada dasarnya kajian yang dilaksanakan ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan masyarakat. Antara kepentingan yang boleh disumbangkan dengan kajian ini ialah:

- 5.1 Dapat menambah bahan-bahan bacaan yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat, terutamanya dalam bidang pengajian syariah di Malaysia. Seterusnya diharapkan ia memberi sumbangan yang besar dalam memberi kefahaman kepada masyarakat tentang metodologi pengajian syariah yang diamalkan sejak zaman awal Islam sehingga ke zaman tertubuhnya institusi-institusi pengajian moden.
- 5.2 Dapat menambahkan pengetahuan tentang metodologi pengajian syariah yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah dan ulama-ulama silam, dengan ini ianya dapat memberi gambaran dengan lebih jelas sejauh mana pengajian syariah amnya di Malaysia dan khususnya di Pusat Pengajian Pondok mempraktikkan metodologi tersebut.
- 5.3 Dapat mengetahui secara lebih mendalam apakah metodologi pengajian syariah yang dipraktikkan di Pusat Pengajian Pondok.
- 5.4 Dapat meneliti secara ilmiah sejauh mana keberkesanan metodologi pengajian syariah yang dilaksanakan di Pusat Pengajian Pondok.
- 5.5 Dapat meneliti secara ilmiah kebenaran dan kesalahan segala tohmann buruk yang dinisbahkan kepada institusi pengajian pondok dan pelajar-pelajar lulusan institusi tersebut.
- 5.6 Dapat meneliti faktor-faktor metodologi yang menyebabkan kelemahan pengajian syariah, dan seterusnya membantu pengurusan Pusat Pengajian Pondok untuk memperbaiki kelemahan tersebut.

5.7 Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu institusi pengajian tinggi Islam yang lain dalam membentuk satu metodologi pengajian syariah yang lebih mantap dan berkesan.

6. Skop Kajian

Setelah meninjau penulisan-penulisan yang dihasilkan dalam bidang pendidikan Islam, penulis mendapati bahawa penulisan berhubung dengan metodologi pengajian Islam secara umum telah banyak disentuh oleh sarjana-sarjana tempatan dan juga sarjana luar. Menyedari hal ini penulis akan menumpukan kajian ini kepada satu skop kajian sahaja, iaitu berhubung dengan metodologi pengajian syariah secara khusus, oleh itu kajian ini tidak akan menyentuh metodologi pengajian-pengajian yang lain di Pusat Pengajian Pondok.

Apabila satu kajian berhubung dengan metodologi pengajian syariah di satu-satu institusi dijalankan, maka sudah pasti kajian itu akan melibatkan keseluruhan institusi tersebut. Ini termasuklah struktur pentadbiran, buku-buku teks, latar belakang tenaga pengajar, kurikulum pengajian, metode pengajian, pendekatan pengajian yang dijalankan dan sebagainya. Dengan erti kata lain kajian tentang metodologi ini akan menjawab persoalan “bagaimana” dan “apa” yang dipelajari.²⁶

Oleh kerana perbincangan berhubung dengan metodologi pengajian ini mencakupi aspek yang sangat luas, maka penulis akan memfokuskan kajian

²⁶ Hasan Langgulung (1997), op. cit., h. 338.

ini kepada dua aspek utama iaitu; yang pertama, metode-metode dan pendekatan pengajian syariah yang dilaksanakan dan yang kedua, berhubung dengan kurikulum pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok. Walau bagaimanapun penulis akan menyentuh secara umum tentang sejarah penubuhan, struktur pentadbiran, struktur pengajian dan kitab rujukan utama serta lain-lain hal yang berhubung dengan Pusat Pengajian Pondok.

7. Kajian Yang Lepas

Pada dasarnya, kajian yang berkaitan dengan pengajian syariah telah menjadi topik yang agak hangat dan telah menarik minat ramai sarjana-sarjana untuk mengkaji dengan lebih lanjut berkaitan dengan topik tersebut. Walau bagaimanapun kajian-kajian yang lepas setakat yang pernah disentuh oleh kalangan sarjana secara kasarnya boleh dibahagikan kepada dua bentuk yang utama;

7.1 Kajian tentang pengajian syariah secara umum di institusi-institusi pendidikan di Malaysia. Antara institusi yang menjadi pilihan ialah Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Pada tahun 1995, satu kajian telah dibuat oleh Basyirah binti Mat Kassim, kajian tersebut memberi tumpuan kepada pengajian syariah dan undang-undang di KUSZA, iaitu dari segi pembelajaran dan keberkesanannya.²⁷

Selain daripada KUSZA, institusi-institusi pengajian awam yang lain juga menjadi tumpuan pengkaji. Pada tahun 1993 satu seminar

²⁷ Untuk keterangan lanjut tentang kajian tersebut lihat dalam Bashirah binti Mat Kasim @ Mohd. Kasim (1995) "Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA); Satu Kajian Pendekatan Pengajian Syariah dan Undang-undang". (Kertas Projek: Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.)

berkaitan dengan pengajian syariah dan undang-undang telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dalam seminar tersebut aspek yang menjadi tumpuan utama ahli panel ialah sejarah dan pelaksanaan pengajian syariah di beberapa institusi pengajian tinggi utama antaranya ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA)²⁸.

- 7.2 Kajian yang dilaksanakan di Pusat Pengajian Pondok. Antara topik yang pernah dikaji ialah perkembangan, matlamat dan peranan Pusat Pengajian Pondok. Kajian ini telah dilaksanakan pada tahun 1988 oleh Mariah Mohd Nor atas tajuk: *Pondok Moden di Telong ; Satu Kajian Berhubung Dengan Perkembangan, Matlamat dan Peranan*. Walau bagaimanapun latihan ilmiah ini tidak dapat dikesan oleh penulis.

Selain daripada itu, kajian juga pernah dilakukan berhubung dengan sistem pendidikan di Pusat Pengajian Pondok. Kajian ini telah dibuat pada tahun 1987 oleh Wan Roomawati Wan Mahmood di atas tajuk; *Satu Tinjauan Sistem Pendidikan Pondok Moden, Kandis, Bachok, Kelantan*. Latihan ilmiah ini menyentuh tentang struktur pentadbiran, sistem pendidikan secara umum dan juga perbandingan antara Pusat Pengajian Pondok dan Pondok-pondok tradisi di Kelantan.

²⁸ Seminar tersebut bertajuk "Seminar Pengajian Syariah dan Undang-undang di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia Peringkat Kebangsaan", anjuran Jabatan Syariah dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan fakulti Pengurusan dan

Selain daripada dua bentuk kajian di atas, penulisan-penulisan yang secara umum menyentuh tentang pendidikan Islam telah banyak dilakukan oleh penulis tempatan atau luar²⁹. Selain daripada itu terdapat juga buku-buku yang secara khusus menyentuh tentang pengajian syariah, antaranya ialah *Dinamisme Pengajian Syariah*, buku ini telah mengumpul beberapa kertas kerja berkaitan pengajian syariah yang telah disediakan oleh beberapa orang sarjana tempatan. Buku ini turut menyentuh beberapa aspek penting dalam bidang pengajian syariah.³⁰

Setelah meneliti kajian dan penulisan yang pernah dihasilkan, penulis merasakan masih ada ruang yang boleh diisi oleh penulis melalui kajian ini. Antara topik yang belum disentuh secara mendalam adalah berhubung dengan metodologi pengajian syariah secara lebih khusus. Oleh yang demikian, dalam kajian ini penulis akan menumpukan perhatian yang lebih khusus kepada dua aspek utama iaitu metode-metode dan pendekatan yang digunakan dan kurikulum pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok.

Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 25-26 Ogos 1993.

²⁹ Antara penulisan utama yang telah dihasilkan dalam bidang ini ialah Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam & Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. Mahayuddin Hj. Yahaya (1998), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. Abdul Rahman Hj. Abdullah (Dr) (1997), *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah & Aliran*, Jakarta: Gema Insani Press. Hasan Langgulung (1997), *Asas-asas Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Ghazali Darussalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*, Utusan Publication. Ismail Abdul Rahman, *Isu-isu pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan*, UKM Bangi. .

³⁰ Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid (1997), *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

8. Pembahagian Bab

Kajian ini telah disusun khusus mengandungi beberapa bab yang tertentu, yang saling berkait di antara satu bab dengan bab yang lain. Kajian ini dimulakan dengan bab yang pertama, mengandungi pendahuluan tentang proposal utama kajian merangkumi latar belakang masalah, matlamat dan kepentingan kajian, analisa terhadap kajian lepas, pembahagian bab, dan akhir sekali metodologi yang digunakan dalam kajian ini.

Dalam bab Kedua, perbincangan khusus akan diberikan tentang landasan teori utama yang bakal mencorakkan keseluruhan kajian ini. Ianya telah dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama, iaitu dimulai dengan perbincangan berhubung dengan definisi metodologi pengajian syariah. Seterusnya diikuti dengan perbincangan berkaitan dengan konsep pengajian syariah, dan akhir sekali membincangkan tentang metode dan pendekatan yang dipraktikkan dalam bidang pengajian syariah. Dalam perbincangan tersebut penulis mengutarakan beberapa metode dan pendekatan yang telah diterima pakai dalam bidang pengajian syariah. Untuk tujuan tersebut penulis mengutarakan kronologi perkembangan metode dan pendekatan pengajian syariah bermula daripada sejarah penurunan al-Quran sehingga perkembangan hari ini.

Dalam bab Ketiga perbincangan lebih menjurus kepada Pusat Pengajian Pondok. Perbincangan dimulakan dengan sorotan sejarah penubuhan Pusat Pengajian Pondok, struktur pentadbiran, kurikulum

pengajian, tenaga pengajar serta pelajar dan lain-lain hal yang berhubung dengan Pusat Pengajian Pondok.

Dalam bab Keempat, kupasan berkenaan kurikulum pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok akan diberikan secara lebih khusus. Ia dimulakan dengan perbincangan berhubung dengan kurikulum pengajian syariah dan kitab-kitab rujukan utama, masa pembelajaran, biodata guru pengajian syariah, sistem peperiksaan bagi pelajaran syariah dan diakhiri dengan penutup.

Manakala dalam bab Kelima, penulis secara langsung meneliti secara terperinci metodologi pengajian syariah yang dipraktikkan dalam bidang pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok, perbincangan tersebut banyak dengan merujuk kepada soal jawab dan kaji selidik yang dilakukan. Penulis membahagikan perbincangan ini kepada tiga bahagian utama, ianya dimulakan dengan analisis metode dan pendekatan yang dipraktikkan dalam bidang pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok. Dalam perbincangan tersebut penulis cuba meninjau sejauh mana keberkesanan metode dalam memberi kefahaman kepada pelajar dan sejauh mana keberkesanan metode tersebut dalam melahirkan lulusan yang memenuhi tuntutan masyarakat masa kini. Selain daripada itu juga bab ini akan membincangkan permasalahan metodologi yang dihadapi oleh pelajar dalam bidang pengajian syariah. Akhir sekali disudahi dengan penutup.

Desertasi ini diakhiri dengan bab yang Keenam, bab tersebut mengandungi kesimpulan dan rumusan hasil daripada semua penganalisaan

rapi yang dibuat sepanjang kajian ini, dan disusuli juga dengan beberapa cadangan khusus untuk memantapkan lagi metodologi pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok.

9. Metodologi Kajian

Pada dasarnya kajian ini merupakan gabungan antara kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Bersesuaian dengan objek kajian, penulis telah merangka kajian ini dengan menggunakan dua metode utama; iaitu metode pengumpulan data dan metode penganalisaan data.

9.1 Metode Pengumpulan Data

Penulis memperolehi data dalam kajian ini melalui metode-metode berikut:

9.1.1. Kajian Perpustakaan

Penulis telah menggunakan metode kajian perpustakaan (*library research*) dalam melaksanakan kajian ini. Pemilihan yang rapi telah dibuat terhadap sumber primari dan sekundari, ini bergantung sepenuhnya dengan autoriti yang dimiliki oleh kedua-dua bahan yang terpilih. Antara bahan-bahan primari yang digunakan:-

- i. Kitab al-Quran dan Hadis.
- ii. Buku-buku teks yang diiktiraf sebagai berautoriti dalam bidang pengajian Islam dan Syariah.
- iii. Temubual yang dilakukan dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan Pusat Pengajian Pondok, seperti pihak pengurusan, tenaga pengajar dan pelajar.

- iv. Maklumat yang diperolehi melalui borang soal selidik.
- v. Kajian dan tesis yang pernah dihasilkan dalam bidang pengajian Islam dan Syariah.
- vi. Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh penulis.
- vii. Minit mesyuarat, laporan tahunan, kertas kerja dan lain-lain bahan yang dikategorikan sebagai dokumen sulit.

Manakala untuk bahan sekundari pula, penulis telah menggunakan beberapa bentuk bahan sekundari yang boleh dibahagikan kepada beberapa jenis yang utama, seperti:-

- i. Buku-buku teks yang baru dihasilkan dalam bidang pengajian Islam dan syariah.
- ii. Maklumat dan data-data diperolehi daripada seminar, artikel, majalah, akhbar, risalah, pamphlet dan sebagainya.
- iii. Maklumat dan data-data yang diperolehi daripada laman web.

Antara perpustakaan yang digunakan oleh penulis untuk memperolehi bahan tersebut ialah:

- i. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- ii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- iii. Perpustakaan Awam Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM).
- iv. Perpustaan Darul Quran (JAKIM), Kuala Kubu Bharu.
- v. Perpustakaan Pusat Pengajian Pondok, Telong, Bachok, Kelantan.

9.1.2 Kajian Luaran

Di samping kajian perpustakaan, Kajian luaran juga telah dilakukan untuk memperolehi data-data yang diperlukan. Ini bertujuan untuk mendapatkan data-data kajian yang lebih seimbang dan bersesuaian dengan konteks kajian di Malaysia.³¹ Kajian luaran yang dimaksudkan ialah pengumpulan data yang berlandaskan pada mana-mana bahan yang mengandungi maklumat mengenai fenomena yang hendak dikaji. Bagi tujuan tersebut penulis telah menggunakan metode kajian kes yang menggunakan tiga metode yang khusus; iaitu metode temubual, metode observasi dan metode soal selidik.

9.1.2.1 Metode Temubual

Metode temubual ialah cara pengumpulan data yang dilakukan secara sistematis, teratur dan berencana melalui wawancara di antara dua orang atau lebih³². Ia berlaku sama ada dalam keadaan bersemuka atau tidak yang mana masing-masing dapat menggunakan saluran komunikasi yang sesuai. Cara ini penulis gunakan untuk mendapatkan fakta-fakta yang lebih fokus dan tepat.

Demi untuk menjadikan metode temubual ini bersifat objektif dan boleh dipertanggungjawabkan, beberapa kaedah yang lebih bersifat mikro telah dijalankan :-

³¹ Lihat Marohaini Yusoff (2001), "Pertimbangan Kritikal Dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif" dalam Marohaini Yusoff (ed), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 35-36.

³² Idris Awang (t.t), *Kaedah Penyelidikan : Satu Overview*, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya, h.93.

- (1) Penulis telah mengadakan temujanji dengan pihak kakitangan Pusat Pengajian Pondok yang akan terlibat dalam temubual tersebut, bagi memastikan mereka dapat meluangkan masa yang terbaik untuk proses temubual, di samping tidak membazirkan masa setiap kakitangan yang memang agak sibuk dengan tugas sehari-hari.
- (2) Penulis telah membahagikan proses temubual ini kepada dua sessi yang utama, dimulakan dengan (i) sessi pengenalan yang menjelaskan maksud dan tujuan kajian secara tidak langsung yang bakal merapatkan hubungan antara penulis dengan orang yang bakal ditemubual, (ii) sessi temubual sebenar yang lebih serius dan berfokus kepada isi kandungan sebenar kajian ini dibuat.³³
- (3) Untuk memastikan kebolehpercayaan maklumat dan kedudukan orang ditemubual tidak terjejas, penulis telah memaklumkan kepada mereka objektif kajian dan menyediakan borang persetujuan yang mengambilkira etika persetujuan berpengetahuan (*informed consent*) seperti mana ditegaskan di dalam *code of ethical conduct for research involving humans*.³⁴
- (4) Temubual dilakukan secara terancang dengan menggunakan pita rakaman dan catitan, yang kemudiannya dipindahkan ke dalam bentuk transkrip penulisan.
- (5) Soalan yang agak rapi dan terancang telah disediakan terlebih dahulu. Di samping itu juga, terdapat beberapa soalan spontan yang digunakan

³³ Lihat sebagai contohnya kajian yang menggunakan kaedah ini di dalam Suseela Malakolunthu, (2001), "Pengumpulan Dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan", dalam Marohaini Yusoff (ed), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, , h. 123-125.

³⁴ *Ibid*, h. 4-7.

akibat daripada beberapa isu dan jawapan yang diberikan oleh orang ditemubual.

- (6) Kesemua responden yang ditemubual adalah merupakan kakitangan yang memegang jawatan penting atau terlibat secara langsung sebagai tenaga pengajar pengajian syariah, Antara kakitangan yang ditemubual ialah Syeikh Pondok, Pendaftar, dan beberapa orang tenaga pengajar pengajian syariah. Temubual ini juga turut dilakukan dengan ketua pelajar serta beberapa orang pelajar bagi setiap tahap pengajian. Hal ini dilakukan demi untuk memastikan data-data yang diperolehi adalah tepat dan boleh menjadi sumber rujukan utama.
- (7) Isi kandungan temubual ini telah dipastikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.
- (8) Proses pengumpulan data melalui temubual kerap kali dibantu dengan pengumpulan data dokumen rasmi yang berupakan laporan tahunan, minit mesyuarat, pamphlet, brosur dan sebagainya yang dikategorikan sebagai dokumen sulit.
- (9) Kaedah tringulasi telah digunakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang terkumpul melalui temubual.³⁵ Melalui kaedah ini penulis tidak hanya bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh seorang kakitangan Pusat Pengajian Pondok sahaja, sebaliknya merujuk kepada kakitangan yang lain supaya data yang diperolehi adalah tepat dan konsisten.

³⁵ Lihat Janesik Valerie J. (1994), "The Dance Of Qualitative Research Design", dalam Norman K. Denzin Yvonna S. Lincoln (ed), *Handbook Of Qualitative Research*, London: Sage Publication, h. 214-215.

9.1.2.2 Metode Observasi

Melalui metode ini, pengumpulan data dilakukan dengan cara membuat pemerhatian terhadap apa yang berlaku. Hasil pemerhatian itu pula direkodkan sama ada melalui tulisan, kamera atau lain-lain. Selain dari itu pemerhati mesti cuba memahami dan memikirkan sesuatu di sebalik pemerhatian yang dibuat.

Metode tersebut dilakukan dengan cara penulis memohon kebenaran tenaga pengajar untuk memasuki serta memerhatikan perjalanan kelas pengajian syariah yang sedang berjalan, penulis memilih beberapa kelas pengajian syariah peringkat 'Aliah sebagai lokasi untuk melakukan *observasi*. Dengan cara tersebut penulis secara langsung dapat menilai metode dan pendekatan pengajian syariah yang dilaksanakan. Hal ini sebenarnya memperkuuhkan lagi data-data yang diperolehi melalui metode temuduga dan soal selidik.

9.1.2.3 Metode Soal Selidik

Penulis telah menggunakan metode soal selidik untuk mendapatkan data-data daripada pelajar. Soal selidik ini telah melibatkan kesemua pelajar peringkat 'Aliah Pusat Pengajian Pondok, iaitu seramai 118 orang pelajar. Daripada jumlah itu, 36 orang pelajar Tahun Empat, 42 orang pelajar Tahun Lima dan 40 orang pelajar Tahun Enam. Pemilihan pelajar peringkat 'Aliah sebagai responden bagi kajian ini berasaskan kepada pengalaman dan kematangan mereka berbanding pelajar peringkat *Thanawi*.

Dengan bantuan penyelia, borang soal selidik ini telah dirancang dengan begitu rapi. Ianya mengandungi beberapa bahagian utama: bahagian Pertama adalah bertujuan menilai latar belakang pelajar, bahagian Kedua adalah untuk menilai pandangan pelajar tentang kurikulum pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok, sementara bahagian Ketiga adalah bertujuan menilai metode dan pendekatan yang digunakan dalam pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok. Melalui metode ini penulis memperolehi maklumat dan data-data penting yang dimuatkan dalam bab yang Kelima.

Penulis telah menyediakan 118 set borang soal selidik untuk diedarkan kepada responden yang terlibat. Untuk mengedarkan borang-borang tersebut penulis telah menggunakan khidmat Ketua Pelajar Pusat Pengajian Pondok di samping dibantu oleh rakan-rakan yang lain. Namun demikian hanya 111 borang iaitu 94.06 peratus daripada keseluruhan borang soal selidik yang telah diedarkan telah dikembalikan kepada penulis. Daripada jumlah tersebut, 33 borang daripada pelajar Tahun Empat, 42 borang daripada pelajar Tahun Lima dan 36 borang daripada pelajar Tahun Enam. Pada keseluruhannya penulis amat berpuas hati dengan jumlah borang yang dikembalikan kepada penulis. Data-data yang diperolehi melalui soal selidik ini telah banyak membantu penulis dalam menyiapkan kajian ini.

9.2 Metode Analisis Data

Setiap data yang diperolehi melalui metode pengumpulan data akan diteliti secara terperinci menggunakan beberapa metode penganalisaan data, merangkumi:-

9.2.1 Metode Historis

Metode historis (pensejarahan³⁶) yang akan menggunakan dua perspektif utama, iaitu *sosio-historis* dan *critical metode*. Sosio-historis bermaksud menggunakan kronologi dan latarbelakang sejarah untuk mengetahui asal usul sesuatu perkembangan³⁷. Dalam konteks kajian ini penulis akan mengupas tentang sejarah perkembangan metodologi pengajian syariah bermula daripada zaman penurunan al-Quran sehingga ke metodologi pengajian syariah yang diamalkan di pusat pengajian tinggi sekarang ini.

Sementara *critical metode* bermaksud usaha memetik dan mengkritik sebarang pendapat dan nilai yang terhasil daripada peristiwa sejarah yang dipilih.³⁸ Dalam konteks kajian ini penekanan bukan hanya terhenti kepada sejarah kedatangan Islam ketanah Melayu, bahkan perlu dilihat dari segi perkembangan pengajian dunia Islam pada waktu kedatangan Islam ke tanah Melayu. Hal ini penting untuk melihat metode dan pendekatan yang diamalkan di pusat pengajian pada ketika itu, ini termasuklah institusi pondok yang dikatakan berkembang maju pada peringkat awal kedatangan Islam.

9.2.2 Metode Komparatif

Metode komparatif ialah perbandingan yang membabitkan proses membuat kesimpulan melalui perbandingan yang bakal memperolehi faktor persamaan dan perbezaan di dalam tema utama menggunakan dua latar

³⁶ Maklumat lanjut tentang pendekatan ini boleh didapati dalam Muhammad Yusoff Hashim (1992), *Pensejarahan Melayu: Kajian Terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur: (t.t) h. 1-3 dan Muhammad Natsir Mahmud (1997), *Orientalisme: al-Quran di Mata Barat*, Semarang (t.t), h. 68-69.

³⁷ Ghufron A. Mas'adi (1997), *Pemikiran Fazlur Rahman tentang metodologi pembaharuan hukum Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 62-68

belakang konteks yang berbeza. Kaedah ini telah dilakukan terhadap perkembangan metodologi pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok, dan perbezaan antara metode dan pendekatan pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok dengan institusi pengajian tinggi yang lain.

9.2.3 Metode Induktif dan Deduktif

Dalam pengajian *Usul al-Fiqh* metode induktif di kenali dengan metode *istigra'* dan deduktif sebagai *istinbat*³⁹. Dalam pendekatan induktif ini penulis akan mengumpul maklumat dan data secara berterusan bagi menjelaskan atau menghuraikan satu fenomena yang dikaji⁴⁰. Melalui kaedah ini penulis mengumpulkan maklumat serta data-data berhubung dengan metode dan pendekatan yang dipraktikkan di Pusat Pengajian Pondok, daripada data-data tersebut penganalisaan akan dibuat untuk membuat kesimpulan sejauh mana metode dan pendekatan tersebut bersesuaian dengan realiti pengajian syariah di Malaysia hari ini.

Sementara metode deduktif pula bermaksud penyelidik menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada atau dibentuknya sendiri berdasarkan kepada pengalaman tertentu untuk melihat fenomena yang berlaku⁴¹. Melalui kaedah ini penulis akan cuba menggunakan teori-teori tertentu berdasarkan kepada pengalaman penulis yang pernah belajar di institusi pengajian moden dan institusi pengajian pondok.

³⁸ Ibid.

³⁹ Idris Awang, op. cit., h.63.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Ibid.

Metode-metode di atas merupakan metode yang digunakan oleh penulis untuk mengumpulkan dan menganalisis data, dengan menggunakan metode-metode tersebut diharapkan akan menyiapkan kajian yang bertajuk “Metodologi Pengajian Syariah di Pondok Modern, Kandis, Bachok, Kelantan.”